

# 4

## KEWANGAN SEKTOR AWAM

- Perspektif Keseluruhan
- Kerajaan Persekutuan

Sisipan 4.1 - Status Terkini Pelaksanaan  
Cukai Barang dan Perkhidmatan

- Hutang Luar
- Hutang Sektor Awam

Rencana 4.1 - Jaminan Kerajaan:  
Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi

- Kerajaan Negeri
- Kerajaan Am
- Syarikat Awam Bukan Kewangan
- Sektor Awam Disatukan
- Prospek



# 4 KEWANGAN SEKTOR AWAM

## Perspektif Keseluruhan

### Konsolidasi fiskal menyokong pertumbuhan

Kerajaan telah memulakan Inisiatif Pembaharuan Kewangan Awam di bawah Program Transformasi Fiskal untuk terus mengukuhkan kedudukan fiskal Kerajaan. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan termasuk mengukuhkan pentadbiran dan pematuhan cukai; merasionalisasi dan mengoptimum perbelanjaan; menambah baik institusi dasar fiskal; serta memantapkan pengurusan dan kawalan bajet. Dasar fiskal berteraskan kepada tiga objektif utama iaitu memastikan kestabilan ekonomi melalui langkah counter-cyclical, menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif serta meningkatkan keterangkuman. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengurangkan kadar defisit fiskal secara berperingkat daripada 6.7% berbanding KDNK pada 2009 kepada 3.1% pada 2016.

Dasar fiskal terus memberi penekanan kepada jajaran konsolidasi fiskal dan pada masa yang sama memastikan persekitaran makroekonomi yang kukuh untuk menyokong aktiviti sektor swasta. Pada separuh pertama 2017, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan melebihi jangkaan pada 5.7% yang menggambarkan inisiatif konsolidasi fiskal kekal menyokong pertumbuhan. Kerajaan akan terus memanfaatkan instrumen dasar fiskal melalui langkah hasil dan perbelanjaan bagi mewujudkan ruang fiskal di samping mencapai sasaran makroekonomi.

Pada 2017, jumlah kutipan hasil dianggar mencatat pertumbuhan 6.1% sejajar dengan jangkaan peningkatan hasil cukai terutamanya daripada cukai pendapatan syarikat dan individu. Peningkatan

ini menggambarkan kerancakan aktiviti ekonomi dan harga komoditi yang stabil. Hasil bukan cukai juga dijangka mencatat kutipan lebih tinggi dengan sebahagianya disumbang oleh penjualan ekuiti syarikat Kerajaan mencerminkan usaha untuk mengurangkan secara berperingkat penglibatan langsung Kerajaan dalam pasaran. Secara keseluruhan, dasar percukaian kekal sebagai instrumen fiskal yang efektif bagi menjana hasil yang mapan, menyokong aktiviti perniagaan dan mempromosi pelaburan domestik.

Dari aspek perbelanjaan, Kerajaan kekal komited dalam melaksanakan langkah mengoptimum perbelanjaan bagi meningkatkan kecekapan di samping mengutamakan program berteraskan rakyat dan berimpak tinggi. Langkah ini dapat memastikan konsolidasi fiskal kekal pada landasan dan menyokong momentum pertumbuhan ekonomi tanpa menjadikan penyampaian perkhidmatan awam. Selain itu, perbelanjaan adalah bertujuan memaksimumkan keberhasilan, mengurangkan ketirisan dan meningkatkan nilai untuk wang. Walau bagaimanapun, Kerajaan terus menyediakan perkhidmatan penting terutamanya kesihatan dan pendidikan serta bantuan sosial bersasar bagi memastikan kesejahteraan rakyat.

Secara keseluruhan, teras dasar fiskal akan terus diperkuuh bagi tempoh jangka sederhana. Kerangka Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) bertindak sebagai mekanisme perancangan utama bagi memacu usaha konsolidasi fiskal. Bagi tempoh 2018 – 2020, MTFF mensasarkan pengurangan paras defisit secara berperingkat ke arah mencapai bajet hampir berimbang. Pada 2017, sebagai peratusan kepada KDNK, defisit fiskal dianggar berkurang kepada 3.0% manakala paras hutang kekal di bawah had siling 55%.

**Jadual 4.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2016 – 2018**

|                                 | RM juta |                   |                   | Perubahan (%) |                   |                   | Bahagian kepada KDNK (%) |                   |                   |
|---------------------------------|---------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|--------------------------|-------------------|-------------------|
|                                 | 2016    | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> | 2016          | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> | 2016                     | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> |
|                                 | Hasil   | 212,421           | 225,337           | 239,860       | -3.0              | 6.1               | 6.4                      | 17.3              | 16.8              |
| Perbelanjaan mengurus           | 210,173 | 219,910           | 234,250           | -3.1          | 4.6               | 6.5               | 17.1                     | 16.4              | 16.2              |
| Baki semasa                     | 2,248   | 5,427             | 5,610             | 7.5           | 141.5             | 3.4               | 0.2                      | 0.4               | 0.4               |
| Perbelanjaan pembangunan kasar  | 41,995  | 45,962            | 46,000            | 3.0           | 9.4               | 0.1               | 3.4                      | 3.4               | 3.2               |
| Tolak: Terimaan balik pinjaman  | 1,346   | 648               | 600               | -9.2          | -51.9             | -7.4              | 0.1                      | 0.0               | 0.0               |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 40,649  | 45,314            | 45,400            | 3.5           | 11.5              | 0.2               | 3.3                      | 3.4               | 3.2               |
| Baki keseluruhan                | -38,401 | -39,887           | -39,790           | 3.2           | 3.9               | -0.2              | -3.1                     | -3.0              | -2.8              |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2018.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

## Kerajaan Persekutuan

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 2017 dijangka mencatat baki semasa lebih tinggi sebanyak RM5.4 bilion, mencerminkan dasar Kerajaan dalam memastikan kutipan hasil mencukupi untuk membiayai perbelanjaan mengurus. Pendekatan ini melambangkan dasar fiskal berhemat dalam menguruskan perbelanjaan berdasarkan kemampuan. Setelah mengambil kira perbelanjaan pembangunan, defisit fiskal dianggar berkurang kepada 3.0% daripada KDNK berbanding 3.1% pada 2016.

Dari perspektif lain, baki primer yang tidak mengambil kira bayaran khidmat hutang dianggar mencatat defisit 0.8% daripada KDNK. Kedudukan baki primer ini menunjukkan defisit fiskal untuk membiayai program dan projek tahun semasa adalah lebih rendah sebanyak 2.2 mata peratusan KDNK. Baki primer menunjukkan langkah fiskal semasa memandangkan bayaran khidmat hutang ditentukan oleh jumlah defisit tahun-tahun terdahulu.

## Hasil

### Pertumbuhan kutipan cukai yang stabil

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2017 dijangka kembali meningkat dengan mencatat pertumbuhan 6.1% kepada RM225.3 bilion (2016: -3%; RM212.4 bilion) atau 16.8% daripada KDNK. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh kutipan hasil

cukai yang lebih tinggi sebanyak 6.4% (2016: 2.4%) khususnya cukai pendapatan syarikat (CITA) dan individu. Selain itu, usaha berterusan Kerajaan dalam mempelbagaikan sumber hasil telah mengurangkan kebergantungan terhadap hasil berkaitan petroleum.

Dasar percukaian berperanan penting dalam menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif khususnya bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Langkah penambahbaikan terus dilaksana agar pentadbiran percukaian negara lebih jelas dan telus bagi memastikan sistem percukaian yang lebih cekap dan saksama. Dalam Bajet 2017, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah percukaian bagi merangsang aktiviti perniagaan, meningkatkan daya saing perusahaan kecil dan sederhana (PKS), menambah pendapatan boleh guna serta meningkatkan kebolehpasaran graduan. Langkah percukaian tersebut termasuk pengurangan kadar cukai pendapatan syarikat dan PKS, tambahan pelepasan cukai individu serta lanjutan insentif cukai sedia ada. Walaupun kehilangan hasil cukai, namun langkah ini dijangka dapat meningkatkan aliran tunai pembayar cukai seterusnya merancakkan aktiviti pelaburan.

**Hasil cukai** yang mewakili 80% daripada jumlah hasil atau 13.5% daripada KDNK kekal sebagai penyumbang utama hasil Kerajaan Persekutuan. Pada 2017, hasil cukai dijangka meningkat 6.4% kepada RM180.2 bilion. **Cukai langsung** dijangka meningkat 9.2% kepada RM119.7 bilion yang disumbangkan oleh peningkatan kutipan hasil daripada cukai pendapatan syarikat, individu dan petroleum. CITA dijangka meningkat 6.6%

**Jadual 4.2. Hasil Kerajaan Persekutuan 2016 – 2018**


|                                    | RM juta |                   |                   | Perubahan (%) |                   |                   | Bahagian (%) |                   |                   |
|------------------------------------|---------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------------|
|                                    | 2016    | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> | 2016          | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> | 2016         | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> |
| Hasil cukai                        | 169,343 | 180,194           | 191,569           | 2.4           | 6.4               | 6.3               | 79.7         | 80.0              | 79.9              |
| Cukai langsung<br>antaranya:       | 109,608 | 119,699           | 127,713           | -1.9          | 9.2               | 6.7               | 51.6         | 53.1              | 53.3              |
| CITA                               | 63,625  | 67,822            | 72,475            | -0.1          | 6.6               | 6.9               | 30.0         | 30.1              | 30.2              |
| Individu                           | 27,566  | 30,089            | 32,234            | 4.7           | 9.2               | 7.1               | 13.0         | 13.4              | 13.4              |
| PITA                               | 8,422   | 10,937            | 11,445            | -27.1         | 29.9              | 4.6               | 4.0          | 4.9               | 4.8               |
| Cukai tidak langsung<br>antaranya: | 59,735  | 60,495            | 63,856            | 11.3          | 1.3               | 5.6               | 28.1         | 26.9              | 26.6              |
| GST                                | 41,206  | 41,500            | 43,800            | 52.5          | 0.7               | 5.5               | 19.4         | 18.4              | 18.3              |
| Duti eksais                        | 11,705  | 11,806            | 12,334            | -1.6          | 0.9               | 4.5               | 5.5          | 5.2               | 5.1               |
| Duti import                        | 2,905   | 3,008             | 3,022             | 6.3           | 3.5               | 0.5               | 1.4          | 1.3               | 1.3               |
| Duti eksport                       | 980     | 1,222             | 1,400             | -5.7          | 24.7              | 14.6              | 0.5          | 0.5               | 0.6               |
| Hasil bukan cukai                  | 43,078  | 45,143            | 48,291            | -19.7         | 4.8               | 7.0               | 20.3         | 20.0              | 20.1              |
| Lesen dan permit                   | 12,307  | 12,747            | 13,560            | -1.9          | 3.6               | 6.4               | 5.8          | 5.7               | 5.7               |
| Pendapatan pelaburan               | 21,425  | 22,665            | 24,588            | -34.8         | 5.8               | 8.5               | 10.1         | 10.1              | 10.3              |
| Jumlah hasil                       | 212,421 | 225,337           | 239,860           | -3.0          | 6.1               | 6.4               | 100.0        | 100.0             | 100.0             |
| Bahagian kepada KDNK (%)           | 17.3    | 16.8              | 16.6              |               |                   |                   |              |                   |                   |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah percukaian 2018.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

**Rajah 4.1. Peratusan Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum kepada Jumlah Hasil**



<sup>1</sup> Anggaran disemak.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

kepada RM67.8 bilion selaras dengan keuntungan syarikat yang lebih baik serta usaha meningkatkan pematuhan dan menambah baik pentadbiran cukai. Selain itu, cukai pendapatan individu dianggar mencatat RM30.1 bilion berikutan pertumbuhan gaji yang stabil dan peningkatan bilangan fail cukai pendapatan individu kepada 7.2 juta fail pada akhir September 2017 (akhir 2016: 6.9 juta fail). Cukai pendapatan petroleum (PITA) dianggar meningkat 29.9% kepada RM10.9 bilion berikutan andaian purata harga minyak mentah yang lebih tinggi pada USD50 setong. Cukai langsung lain terutamanya disumbangkan oleh duti setem dan

cukai keuntungan harta tanah (CKHT) dijangka terus meningkat selari dengan nilai pasaran hartanah yang memberangsangkan.

**Cukai tidak langsung** dijangka meningkat 1.3% kepada RM60.5 bilion terutamanya disumbangkan oleh peningkatan kutipan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Pada 2017, kutipan GST dijangka meningkat secara marginal 0.7% kepada RM41.5 bilion khususnya sumbangan daripada sektor perdagangan borong dan runcit, pemberian kenderaan bermotor dan motosikal. Sehingga akhir September 2017, jumlah pendaftaran GST telah meningkat kepada 454,609 entiti. Selain itu, duti eksais dijangka kembali meningkat 0.9% kepada RM11.8 bilion berikutan unjuran jumlah jualan kenderaan bermotor yang lebih tinggi kepada 590,000 unit<sup>1</sup> (2016: 580,124 unit). Duti import dianggar meningkat 3.5% kepada RM3 bilion yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh kenderaan motor pasang siap (CBU), jentera dan alat ganti. Duti eksport pula dijangka meningkat kepada RM1.2 bilion selaras dengan peningkatan harga minyak mentah.

**Hasil bukan cukai<sup>2</sup>** dijangka meningkat 4.8% kepada RM45.1 bilion yang mewakili 20% daripada jumlah hasil. Hasil ini disokong oleh kestabilan pendapatan pelaburan terutamanya daripada Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Bank Negara Malaysia. Peningkatan ini juga disumbang oleh penjualan ekuiti Kerajaan dalam Sarawak Hidro Sdn. Bhd. Bayaran lesen dan permit dijangka meningkat 3.6% kepada RM12.7 bilion terutamanya disumbangkan oleh royalti petroleum, lesen kenderaan bermotor, levi pekerja asing serta spektrum telekomunikasi. Penjualan aset pula dijangka menyumbang RM1 bilion kepada kutipan hasil bukan cukai.

## Sisipan 4.1

### Status Terkini Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan

#### Pengenalan

Sejak pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015, terdapat beberapa perubahan dasar kepada struktur dan layanan untuk meningkatkan kecekapan sistem tersebut. Pengenalan GST pada kadar 6% telah menambah baik struktur cukai kepenggunaan untuk menjadikannya lebih berkesan dan mesra perniagaan. GST terbukti menjadi sistem kutipan cukai yang berkesan, efisien dan dapat memperluas asas cukai. Di samping itu, GST adalah telus dan telah menggalakkan perniagaan untuk mengamalkan kaedah penyimpanan rekod dan perakaunan yang teratur serta memodenkan sistem cukai. Pada 2016, kutipan GST adalah berjumlah RM41.2 bilion.


#### Pendaftaran GST

Sehingga akhir September 2017, sebanyak 454,609 entiti perniagaan telah berdaftar di bawah GST. Sebahagian besar perniagaan berdaftar adalah dalam sektor perdagangan borong dan runcit, pemberian kenderaan bermotor dan motosikal<sup>1</sup> yang merangkumi 34.2% daripada jumlah pendaftaran. Seterusnya, ini diikuti oleh perniagaan dalam sektor pembinaan (17.7%) dan pembuatan (12.4%).

<sup>1</sup> Mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC).

<sup>2</sup> Persatuan Automotif Malaysia (MAA) (2017). Dicapai pada 4 Oktober, 2017 daripada [www.maa.org.my/pdf/Market\\_Review\\_Half\\_2017.pdf](http://www.maa.org.my/pdf/Market_Review_Half_2017.pdf).

<sup>2</sup> Termasuk terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan.

**Rajah 4.1.1. Lima Pendaftaran Utama mengikut Sektor**

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

#### Perubahan kepada Struktur dan Layanan GST

Semasa GST diperkenalkan pada 2015, sejumlah 553 jenis barang dan perkhidmatan adalah berkadar sifar manakala 25 lagi dikecualikan daripada GST. Kerajaan terus bekerjasama dengan sektor swasta bagi menambah baik lagi pelaksanaan GST untuk memastikan sistem ini selaras dengan amalan terbaik global. Antara perubahan terkini yang membolehkan Malaysia menjadi lebih berdaya saing serta menarik pelabur dalam dan luar negara adalah seperti berikut:

- Berkuatkuasa 1 Julai 2017, perkhidmatan berikut tidak tertakluk kepada GST:
  - perkhidmatan yang ditetapkan<sup>2</sup> untuk dibekalkan kepada pelanggan luar negara berkaitan dengan barang untuk dieksport;
  - perkhidmatan yang ditetapkan<sup>3</sup> untuk dibekalkan kepada pelanggan luar negara dalam Zon Bebas termasuk Gudang Pengilangan Berlesen;
  - perkhidmatan R&D yang diberikan kepada pelanggan luar negara; dan
  - perbelanjaan kejuruteraan yang tidak berulang termasuk ke atas perbelanjaan untuk peralatan dan jentera yang digunakan dalam proses pembuatan barang.
- Berkuatkuasa 1 Julai 2017, tuntutan terhadap pemberian waranti yang dibuat oleh pengedar kepada pengeluar luar negara dianggap sebagai pemberian kos dan tidak tertakluk kepada GST.

#### Pematuhan GST

Antara langkah untuk meningkatkan pematuhan cukai, Jabatan Kastam Diraja Malaysia sentiasa menjalankan audit berkala dan siasatan cukai. Bagi tempoh April 2015 hingga Julai 2017, sejumlah 14,578 kesalahan pelarian cukai telah dikenalpasti. Daripada jumlah ini, 2,097 kes telah didakwa dengan 928 kes telah dikenakan denda.

Langkah lain untuk meningkatkan pematuhan dan mengoptimumkan sumber dalam mentadbir GST adalah pengenalan Sistem Maklumat Elektronik GST (GST EIS) pada 1 Julai 2017. Projek perintis bagi sistem ini melibatkan 1,000 premis perniagaan terpilih di Kuala Lumpur dan Selangor. Sistem ini bermatlamat untuk memastikan bahawa pengisytiharan GST oleh perniagaan adalah konsisten dengan jualan mereka. Pelaksanaan GST EIS melibatkan pemasangan peranti di setiap point of sales untuk mesin daftar tunai yang terletak di premis perniagaan untuk merekod dan menghantar maklumat pada masa sebenar mengenai transaksi jualan.

#### Kesimpulan

Pelaksanaan GST adalah salah satu inisiatif pembaharuan fiskal untuk meningkatkan kecekapan sistem cukai dan meluaskan asas cukai. Di samping itu, pelaksanaannya bertujuan mempelbagai sumber pendapatan Kerajaan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan demi pembangunan negara. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk terus meningkatkan kecekapan sistem dan pematuhan GST.

<sup>2</sup> Perkhidmatan pengendalian atau penyimpanan barang seperti memuat, memungah muatan, memuat semula, menyimpan dan memindahkan kargo.

<sup>3</sup> Perkhidmatan seperti pengilangan, pemasangan, pengubahan, pemberian, pembersihan, pemulihan atau pengubahsuaian.

**Jadual 4.3. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Objek 2016 – 2018**

|  | RM juta |                   |                   | Perubahan (%) |                   |                   | Bahagian (%) |                   |                   |
|--|---------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------------|
|  | 2016    | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> | 2016          | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> | 2016         | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> |
| Emolumen                                     | 73,108  | 78,801            | 79,149            | 4.4           | 7.8               | 0.4               | 34.8         | 35.8              | 33.8              |
| Bayaran persaraan                            | 21,029  | 23,648            | 24,550            | 11.4          | 12.5              | 3.8               | 10.0         | 10.8              | 10.5              |
| Bayaran khidmat hutang                       | 26,480  | 28,866            | 30,882            | 9.0           | 9.0               | 7.0               | 12.6         | 13.1              | 13.2              |
| Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri | 6,942   | 8,058             | 8,023             | 0.3           | 16.1              | -0.4              | 3.3          | 3.7               | 3.4               |
| Bekalan dan perkhidmatan                     | 30,070  | 32,642            | 33,621            | -17.3         | 8.6               | 3.0               | 14.3         | 14.8              | 14.4              |
| Subsidi dan bantuan sosial                   | 24,690  | 23,085            | 26,544            | -9.5          | -6.5              | 15.0              | 11.7         | 10.5              | 11.3              |
| Pembelian aset                               | 676     | 698               | 577               | -60.8         | 3.3               | -17.3             | 0.3          | 0.3               | 0.2               |
| Bayaran balik dan hapus kira                 | 799     | 802               | 888               | -15.6         | 0.4               | 10.7              | 0.4          | 0.4               | 0.4               |
| Pemberian kepada badan berkanun              | 13,557  | 13,449            | 13,099            | -12.5         | -0.8              | -2.6              | 6.5          | 6.1               | 5.6               |
| Lain-lain                                    | 12,822  | 9,861             | 16,917            | -14.9         | -23.1             | 71.6              | 6.1          | 4.5               | 7.2               |
| Jumlah                                       | 210,173 | 219,910           | 234,250           | -3.1          | 4.6               | 6.5               | 100.0        | 100.0             | 100.0             |
| Bahagian kepada KDNK (%)                     | 17.1    | 16.4              | 16.2              |               |                   |                   |              |                   |                   |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2018.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

## Perbelanjaan

### Pertumbuhan perbelanjaan yang sederhana

Kerajaan terus memberi penekanan untuk mengoptimumkan perbelanjaan dan meningkatkan mekanisme saringan bagi memastikan pengagihan sumber mengikut keperluan dan keutamaan. Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan telah berkurang kepada sekitar 20% daripada KDNK pada 2016 berbanding purata 25% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Walaupun jumlah perbelanjaan dijangka meningkat 5.4% kepada RM265.9 bilion pada 2017, namun peratusan perbelanjaan kepada KDNK dianggar terus berkurang kepada 19.8%. Sejumlah RM219.9 bilion (82.7%) diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus manakala baki RM46 bilion (17.3%) diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan. Kerajaan kekal komited terhadap perbelanjaan berhemat dan cekap bagi mengukuhkan kewangan Kerajaan walaupun kutipan hasil dijangka bertambah. Langkah ini dilaksanakan dengan menyusun semula keutamaan program dan projek serta mengurangkan perbelanjaan tidak kritikal tanpa menjelaskan penyampaian perkhidmatan awam.

Perbelanjaan mengurus (OE) dijangka meningkat sederhana sebanyak 4.6% kepada RM219.9 bilion atau 16.4% daripada KDNK (2016: -3.1%; RM210.2 bilion; 17.1%). Peningkatan ini bertujuan memenuhi keperluan perbelanjaan yang lebih tinggi terutamanya untuk emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta bayaran khidmat hutang. Emolumen dijangka meningkat 7.8% kepada RM78.8 bilion dan kekal sebagai komponen terbesar

yang merangkumi 35.8% daripada OE. Peningkatan ini terutamanya disebabkan pelaksanaan dua kali kenaikan gaji tahunan, penetapan gaji minimum dan penambahaikan beberapa skim perkhidmatan untuk kumpulan pelaksana pada Julai 2016. Walau bagaimanapun, peningkatan perbelanjaan emolumen akan dikawal dengan mengekalkan bilangan penjawat awam pada 1.6 juta orang. Kerajaan akan terus merasionalisasi sektor awam secara berperingkat termasuk mengurangkan pertindihan fungsi dan peranan agensi. Bayaran persaraan yang merangkumi 10.8% daripada OE dianggar meningkat 12.5% kepada RM23.6 bilion terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan bayaran pencen minimum mulai Julai 2016. Jumlah ini juga termasuk bantuan khas kewangan sebanyak RM250 yang dibayar pada Januari dan Jun 2017 kepada kira-kira 780,000 pesara.

Bekalan dan perkhidmatan yang mewakili 14.8% daripada OE dijangka meningkat 8.6% kepada RM32.6 bilion (2016: 14.3%; -17.3%; RM30.1 bilion). Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh kos penyenggaraan bagi beberapa projek pembangunan yang telah siap. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ini dijangka kekal pada kadar 2.4% kepada KDNK iaitu lebih rendah berbanding purata 3.1% bagi tempoh lima tahun sebelumnya. Kerajaan terus mengawal pertumbuhan perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan dengan menyelaras program serta fungsi kementerian dan agensi melalui inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Selain itu, kementerian dan agensi terus mengekang perbelanjaan tidak kritikal di samping mengoptimumkan perbelanjaan seperti kos pengangkutan dan perjalanan, penganjuran acara dan majlis serta penyewaan ruang pejabat baharu.

**Subsidi dan bantuan sosial** yang merangkumi subsidi barang dan perkhidmatan, insentif dan bantuan sosial dijangka berkurang 6.5% kepada RM23.1 bilion (2016: -9.5%; RM24.7 bilion). Penurunan ini terutamanya berikutan langkah rasionalisasi subsidi harga minyak masak bagi botol berkapasiti 1 hingga 5 kilogram dan pelaksanaan sistem apungan terkawal harga bahan api secara mingguan untuk mengurangkan impak perubahan harga minyak mentah harian. Langkah ini dijangka menyumbang kepada penjimatan kira-kira RM1.2 bilion pada 2017. Walau bagaimanapun, Kerajaan terus menyediakan subsidi, insentif dan bantuan sosial bersasar khususnya dalam sektor pertanian, pengangkutan, pendidikan dan kesihatan. Bayaran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) telah ditingkatkan sehingga RM1,200 untuk isi rumah yang layak selaras dengan peralihan ke arah pemberian bantuan sosial bersasar. Bayaran BR1M sebanyak RM6.6 bilion dijangka disalurkan kepada 7.2 juta penerima dalam kalangan isi rumah dan individu.

**Pemberian kepada badan berkanun** dianggar berkurang 0.8% kepada RM13.4 bilion (2016: -12.5%; RM13.6 bilion) berikutan rasionalisasi pemberian geran khususnya kepada entiti yang mempunyai rizab terkumpul yang tinggi. Geran ini terutamanya bertujuan membiayai emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Sebahagian besar daripada geran tersebut iaitu 56.9% atau RM7.7 bilion diperuntukkan kepada universiti awam dan hospital pengajar. Kerajaan Persekutuan turut menyediakan **pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri**

berjumlah RM8.1 bilion (2016: RM6.9 bilion) merangkumi RM5.8 bilion atau 71.8% disalurkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

**Bayaran khidmat hutang** atau faedah atas pinjaman adalah perbelanjaan tanggungan di bawah Perlembagaan yang diberi keutamaan berbanding perbelanjaan lain. Pada 2017, bayaran khidmat hutang dijangka mencatat RM28.9 bilion. Peratusan bayaran khidmat hutang kepada OE kekal terkawal pada 13.1% iaitu lebih rendah daripada had 15% yang ditetapkan di bawah peraturan pentadbiran fiskal.

Tahun 2017 merupakan permulaan kepada *rolling plan* kedua (2017 – 2018) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Sejumlah RM46 bilion atau 17.7% daripada jumlah siling RMKe-11 diperuntukkan untuk **perbelanjaan pembangunan (DE)** yang menyenaraikan kira-kira 4,900 program serta projek sedia ada dan baharu merangkumi sektor ekonomi, sosial, keselamatan dan pentadbiran am. Projek dan program tersebut dirancang sejajar dengan enam teras strategik RMKe-11 iaitu memperkuuh keterangkuman; meningkatkan kesejahteraan rakyat; meningkatkan pembangunan modal insan; menuju ke arah pertumbuhan hijau; memperkuuh infrastruktur; dan merekaya pertumbuhan ekonomi.

Peruntukan DE bagi 2017 meningkat 9.4% (2016: 3%) daripada perbelanjaan sebenar 2016 yang berjumlah RM42 bilion. Sektor ekonomi menerima

**Jadual 4.4. Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor 2016 – 2018**

|                                       | RM juta |                   |                   | Perubahan (%) |                   |                   | Bahagian (%) |                   |                   |
|---------------------------------------|---------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------------|
|                                       | 2016    | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> | 2016          | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> | 2016         | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> |
| <b>Ekonomi</b>                        | 25,113  | 25,897            | 26,342            | 7.8           | 3.1               | 1.7               | 59.8         | 56.3              | 57.3              |
| antaranya:                            |         |                   |                   |               |                   |                   |              |                   |                   |
| Pengangkutan                          | 7,827   | 10,749            | 10,479            | 16.9          | 37.3              | -2.5              | 18.6         | 23.4              | 22.8              |
| Perdagangan dan perindustrian         | 4,841   | 4,830             | 4,149             | -14.1         | -0.2              | -14.1             | 11.5         | 10.5              | 9.0               |
| Tenaga dan kemudahan awam             | 2,927   | 2,514             | 2,746             | -19.5         | -14.1             | 9.2               | 7.0          | 5.5               | 6.0               |
| Pertanian dan pembangunan luar bandar | 2,902   | 2,416             | 2,523             | -6.5          | -16.7             | 4.4               | 6.9          | 5.3               | 5.5               |
| Alam sekitar                          | 2,346   | 2,197             | 2,013             | 76.3          | -6.4              | -8.4              | 5.6          | 4.8               | 4.4               |
| <b>Sosial</b>                         | 10,429  | 12,119            | 11,720            | -6.6          | 16.2              | -3.3              | 24.8         | 26.4              | 25.5              |
| antaranya:                            |         |                   |                   |               |                   |                   |              |                   |                   |
| Pendidikan dan latihan                | 3,727   | 5,904             | 5,256             | -21.7         | 58.4              | -11.0             | 8.9          | 12.8              | 11.4              |
| Perumahan                             | 2,238   | 870               | 1,167             | 11.5          | -61.1             | 34.1              | 5.3          | 1.9               | 2.5               |
| Kesihatan                             | 1,495   | 1,532             | 1,910             | 3.7           | 2.5               | 24.7              | 3.6          | 3.3               | 4.2               |
| <b>Keselamatan</b>                    | 4,832   | 5,286             | 5,214             | 1.6           | 9.4               | -1.4              | 11.5         | 11.5              | 11.3              |
| Pentadbiran am                        | 1,621   | 2,660             | 2,724             | 3.4           | 64.1              | 2.4               | 3.9          | 5.8               | 5.9               |
| <b>Jumlah</b>                         | 41,995  | 45,962            | 46,000            | 3.0           | 9.4               | 0.1               | 100.0        | 100.0             | 100.0             |
| Bahagian kepada KDNK (%)              | 3.4     | 3.4               | 3.2               |               |                   |                   |              |                   |                   |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2018.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

peruntukan terbesar iaitu 56.3% daripada jumlah DE diikuti sektor sosial (26.4%), keselamatan (11.5%) dan pentadbiran awam (5.8%). Perbelanjaan terus ditumpukan kepada projek infrastruktur dan pelaburan yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi untuk mewujudkan kapasiti produktif bagi pembangunan negara.

**Sektor ekonomi** diperuntukkan sebanyak RM25.9 bilion. Perbelanjaan dalam sektor ini adalah untuk pembangunan infrastruktur, keusahawanan dan industri serta pembasmian kemiskinan. Perbelanjaan juga disalurkan untuk meningkatkan R&D; memacu aktiviti pertanian dan pembangunan luar bandar; serta menambah baik kemudahan awam.

**Subsektor pengangkutan** menerima peruntukan terbesar merangkumi 23.4% daripada jumlah DE atau RM10.7 bilion (2016: 18.6%; RM7.8 bilion). Perbelanjaan tersebut ditumpukan kepada penyenggaraan lapangan terbang dan pelabuhan serta pembinaan dan naik taraf jalan, landasan kereta api dan jambatan terutamanya di kawasan luar bandar. Antara projek utama yang sedang dilaksanakan termasuk Lebuh Raya Pan Borneo, Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Klang serta Lebuh Raya Pesisiran Pantai Barat Taiping – Banting. Infrastruktur tersebut membantu melancarkan mobiliti rakyat dan barang serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti aktiviti perniagaan.

**Subsektor perdagangan dan perindustrian** diperuntukkan RM4.8 bilion yang mewakili 10.5% daripada jumlah DE (2016: RM4.8 bilion; 11.5%). Sebahagian besar peruntukan adalah bagi program promosi eksport serta pembangunan usahawan dan pelancongan. Bantuan kewangan untuk pembangunan keusahawanan dalam bentuk pinjaman mudah juga disediakan melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Selaras dengan inisiatif untuk merancakkan ekonomi digital, peruntukan juga disediakan bagi program perniagaan atas talian di bawah Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Peruntukan bagi subsektor tenaga dan kemudahan awam dijangka mencatat RM2.5 bilion atau 5.5% daripada jumlah DE (2016: RM2.9 bilion; 7%). Perbelanjaan ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan akses kepada kemudahan awam dan utiliti luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak seperti bekalan air, elektrik dan telekomunikasi. Selain itu, sejumlah RM2.2 bilion disediakan di bawah subsektor alam sekitar terutamanya untuk pemuliharaan sungai seperti KL River of Life, projek pemuliharaan Sungai Pahang serta Program Koridor dan Bandaraya yang merangkumi pembinaan loji rawatan kumbahan, paip pembetungan dan tebatan banjir di Sungai Segget, Johor.

Sementara itu, RM2.4 bilion atau 5.3% daripada jumlah DE (2016: RM2.9 bilion; 6.9%) diperuntukkan bagi subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar. Peruntukan ini disalur terutamanya untuk program pembangunan pertanian dan projek yang bernilai tambah tinggi. Projek dan program tersebut bertujuan untuk meningkatkan produktiviti pertanian seperti pemodenan sistem pengairan penanaman padi, penanaman semula kelapa sawit dan pelaksanaan projek model akuakultur bersepadan.

**Sektor sosial** merupakan penerima peruntukan kedua terbesar iaitu RM12.1 bilion atau 26.4% daripada jumlah DE (2016: RM10.4 bilion; 24.8%). Peruntukan ini bertujuan memperkasa pembangunan modal insan; meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat terutamanya melalui pendidikan dan latihan serta perkhidmatan kesihatan; dan pembangunan luar bandar. Sebanyak 12.8% (2016: 8.9%) daripada DE ditumpukan kepada subsektor pendidikan dan latihan yang merangkumi pembinaan, penyenggaraan dan naik taraf sekolah, institusi pendidikan tinggi dan latihan. Sementara itu, sebahagian daripada peruntukan disalurkan kepada program R&D serta program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) untuk menghasilkan tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan industri.

Setelah mengambil kira keperluan kewangan Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang dibiayai melalui pinjaman pasaran, peruntukan bagi subsektor perumahan dianggar lebih rendah pada RM870 juta atau 1.9% daripada jumlah DE (2016: RM2.2 bilion; 5.3%). Namun begitu, peruntukan lebih tinggi terus disediakan bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) untuk meningkatkan pemilikan rumah golongan berpendapatan rendah dan penjawat awam.

Sebanyak RM1.5 bilion atau 3.3% daripada DE diperuntukkan bagi subsektor kesihatan (2016: RM1.5 bilion; 3.6%) untuk menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan dan memastikan akses kepada kemudahan penjagaan kesihatan berkualiti. Sejumlah peruntukan disalurkan untuk menambah baik kemudahan kesihatan menerusi pembinaan, naik taraf dan penyenggaraan hospital seperti Hospital Rembau, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia. Peruntukan juga disediakan untuk kenderaan dan peralatan perubatan serta memperluas perkhidmatan kesihatan bandar dan luar bandar seperti di Beluran, Sabah; Kota Tinggi, Johor; dan Lawas, Sarawak.

**Sektor keselamatan** yang merangkumi pertahanan dan keselamatan dalam negeri terus diutamakan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM5.3 bilion atau 11.5% daripada jumlah DE (2016: RM4.8 bilion; 11.5%). Sebanyak RM4.3 bilion

(2016: RM3.9 bilion) diperuntukkan kepada subsektor pertahanan manakala RM1 bilion (2016: RM887 juta) untuk subsektor keselamatan dalam negeri. Perbelanjaan tersebut terutamanya untuk meningkatkan keupayaan pasukan tentera dan polis; memperkuuh keselamatan di kawasan sempadan; naik taraf peralatan ketenteraan, alat komunikasi dan sistem teknologi maklumat; serta membina pejabat dan kuarters.

**Sektor pentadbiran am** diperuntukkan RM2.7 bilion atau 5.8% daripada jumlah DE (2016: RM1.6 bilion; 3.9%) untuk pembinaan dan naik taraf kemudahan Kerajaan serta meningkatkan akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Antara projek tersebut adalah Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (1Gov\*Net) dan pembinaan kompleks mahkamah baharu di Kota Kinabalu, Sabah. Projek ini dilaksanakan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan sektor awam seterusnya menambah baik tahap penyampaian perkhidmatan.

## Pembiayaan

### Peningkatan permintaan instrumen Islam

Jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan dianggarkan meningkat kepada RM108 bilion pada 2017 disebabkan bayaran balik hutang yang lebih tinggi sebanyak RM67.2 bilion. Pinjaman bersih berjumlah RM40.8 bilion digunakan untuk membiayai DE. Sebahagian besar daripada keperluan pembiayaan diperoleh daripada sumber domestik sebanyak RM107.5 bilion atau 99.5% daripada jumlah pinjaman kasar.

Bagi **pinjaman dalam negeri**, Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dijangka menyumbang RM54 bilion atau 50% daripada jumlah pinjaman kasar manakala Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) merangkumi 49.5% atau RM53.5 bilion. Kerajaan memperuntukkan nisbah MGII yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya (2010 – 2015: 39.1%) dan dijangka bertambah pada masa akan datang bagi menampung peningkatan permintaan ke atas instrumen Islam. Selain itu, penyenaraian MGII dalam indeks utama seperti Indeks Dow Jones Citigroup Sukuk dan Indeks Markit iBoxx telah menyumbang kepada pembangunan pasaran sukuk dan seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

Dalam tempoh separuh pertama 2017, purata kadar hasil bagi MGS bertempoh matang 5-tahun adalah 3.684% dan MGS 10-tahun adalah 4.052% (2016: 3.427%; 3.843%). Sementara itu, kadar hasil MGII 5-tahun mencatat 3.818% dan MGII 10-tahun adalah 4.143% dalam tempoh yang sama (2016: 3.609%; 4.011%). Peningkatan kadar hasil bagi

kedua-dua instrumen berikut penstabilan dasar monetari oleh Rizab Persekutuan AS dan jangkaan pertumbuhan yang lebih tinggi di AS. Walau bagaimanapun, kadar hasil 10-tahun bagi MGS dan MGII pada akhir Ogos 2017 telah mengecil sebanyak 32.4 dan 32.5 mata asas berbanding akhir 2016, berikut permintaan berterusan pelabur institusi dalam negeri serta aliran masuk semula pelabur asing sejak April 2017. Secara purata, terbitan kedua-dua instrumen telah melebihi langganan sebanyak 2.3 kali yang menunjukkan permintaan kukuh untuk instrumen Kerajaan dan kecairan yang mencukupi di pasaran domestik.

Bagi profil kematangan hutang, Kerajaan telah beralih daripada terbitan jangka pendek (kurang daripada 10 tahun) kepada terbitan jangka sederhana dan panjang (10 tahun dan lebih). Pada 2017, jumlah terbitan MGS dan MGII dengan tempoh matang melebihi 10 tahun dijangka mele过asi 55% berbanding purata 44% bagi tempoh 2014 hingga 2016. Peningkatan ini selaras dengan strategi pengurusan hutang untuk mengurangkan risiko pembiayaan semula dengan memanjangkan profil kematangan hutang.

**Pinjaman luar pesisir** kasar pada 2017 dijangka rendah berikutan tiada pinjaman pasaran yang baharu memandangkan tiada keperluan pembiayaan hutang berdenominasi mata wang asing. Pinjaman projek pula dijangka berjumlah RM545 juta atau 0.5% daripada jumlah pinjaman kasar. Pinjaman ini adalah terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan penyaluran air mentah.

**Jadual 4.5. Pinjaman Kerajaan Persekutuan 2016 – 2017**

|                             | RM juta |                   | Bahagian (%) |                   |
|-----------------------------|---------|-------------------|--------------|-------------------|
|                             | 2016    | 2017 <sup>2</sup> | 2016         | 2017 <sup>2</sup> |
| Pinjaman kasar              | 91,982  | 108,045           | 100.0        | 100.0             |
| Dalam negeri                | 86,000  | 107,500           | 93.5         | 99.5              |
| MGS                         | 43,500  | 54,000            | 47.3         | 50.0              |
| MGII                        | 42,500  | 53,500            | 46.2         | 49.5              |
| Luar pesisir                | 5,982   | 545               | 6.5          | 0.5               |
| Pinjaman pasaran            | 5,837   | -                 | 6.3          | -                 |
| Pinjaman projek             | 145     | 545               | 0.2          | 0.5               |
| Bayaran balik               | 53,289  | 67,219            | 100.0        | 100.0             |
| Dalam negeri                | 48,141  | 66,750            | 90.3         | 99.3              |
| Luar pesisir                | 5,148   | 469               | 9.7          | 0.7               |
| Pinjaman bersih             | 38,693  | 40,826            | -            | -                 |
| Dalam negeri                | 37,859  | 40,750            | -            | -                 |
| Luar pesisir                | 834     | 76                | -            | -                 |
| Perubahan aset <sup>1</sup> | -292    | -939              | -            | -                 |
| Jumlah pembiayaan defisit   | 38,401  | 39,887            | -            | -                 |

<sup>1</sup> (+) bererti penggunaan aset; (-) bererti pertambahan aset.

<sup>2</sup> Anggaran.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

## Hutang

### Komposisi hutang berhemat

**Hutang Kerajaan Persekutuan** terdiri daripada pinjaman terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM685 bilion pada akhir Jun 2017. Walaupun akaun semasa mencatatkan lebihan, peningkatan hutang adalah untuk membiayai DE. Komposisi hutang kekal berhemat dengan 96.7% kertas hutang berdenominasi ringgit manakala baki adalah pinjaman luar pesisir yang menggambarkan pendedahan minimum terhadap risiko tukaran mata wang asing. Sebahagian besar pinjaman luar pesisir berdenominasi dolar AS.

Di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], had statutori hutang 55% daripada KDNK hanya meliputi baki terkumpul instrumen MGS, MGII dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB). Pada akhir Jun 2017, jumlah terkumpul bagi ketiga-tiga instrumen adalah 46.5% daripada KDNK iaitu jauh lebih rendah berbanding had statutori hutang. Paras ini menyediakan ruang fiskal yang mencukupi bagi Kerajaan melaksanakan langkah *counter-cyclical* sekiranya berlaku ketidaktentuan persekitaran global. Di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], pinjaman luar pesisir kekal stabil pada RM22.7 bilion iaitu lebih rendah daripada had statutori sebanyak RM35 bilion. Sementara itu, Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) berjumlah RM8 bilion kekal rendah berbanding had RM10 bilion yang ditetapkan di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]. Selaras dengan dasar pengurusan hutang yang berhemat, Kerajaan terus komited untuk memastikan keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi had yang ditetapkan iaitu 55% daripada KDNK di samping memastikan konsolidasi hutang dalam

jangka panjang. Pada akhir Jun 2017, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat 50.9% daripada KDNK.

**Hutang dalam negeri** yang terdiri terutamanya daripada MGS dan MGII berjumlah RM662.3 bilion pada akhir Jun 2017. MGS kekal sebagai instrumen hutang utama berjumlah RM362.9 bilion atau 53% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. MGII pula mencatat RM261.5 bilion atau 38.2% yang menggambarkan sokongan berterusan Kerajaan dalam mempromosikan pasaran kewangan Islam di samping merancakkan pasaran modal domestik. Sejajar dengan pengurusan risiko yang berhemat, Kerajaan akan terus memperoleh keperluan pembiayaan dari pasaran domestik tanpa menjelaskan sektor swasta.

Bil *perbendaharaan* yang terdiri daripada MTB dan MITB merupakan sekuriti modal kerja kerajaan berjangka pendek tanpa faedah yang diterbitkan pada diskaun atas harga penebusan. Instrumen modal kerja ini diterbitkan secara berkala dengan tempoh matang antara tiga hingga dua belas bulan untuk mengurus aliran tunai Kerajaan dengan lebih baik. Pada akhir Jun 2017, bil perbendaharaan terkumpul berjumlah RM9.5 bilion mencakupi 1.4% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Sementara itu, jumlah Sukuk Perumahan Kerajaan di bawah hutang Kerajaan Persekutuan kekal pada RM28.4 bilion atau 4.1% daripada jumlah hutang memandangkan tiada terbitan baharu bagi sukuk ini. Bermula 2016, keperluan pembiayaan bagi pinjaman perumahan penjawat awam adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

**Pinjaman luar pesisir** terdiri daripada pinjaman pasaran dan pinjaman projek berjumlah RM22.7 bilion. Pinjaman pasaran yang diperoleh

**Jadual 4.6. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen 2016 – 2017**

|                              | RM juta        |                   | Bahagian (%) |                   | Bahagian kepada KDNK (%) |                   |
|------------------------------|----------------|-------------------|--------------|-------------------|--------------------------|-------------------|
|                              | 2016           | 2017 <sup>1</sup> | 2016         | 2017 <sup>1</sup> | 2016                     | 2017 <sup>1</sup> |
| <b>Hutang dalam negeri</b>   | <b>624,822</b> | <b>662,353</b>    | <b>96.4</b>  | <b>96.7</b>       | <b>50.8</b>              | <b>49.2</b>       |
| Bil perbendaharaan           | 4,500          | 9,500             | 0.7          | 1.4               | 0.4                      | 0.7               |
| MGS                          | 357,422        | 362,953           | 55.1         | 53.0              | 29.0                     | 27.0              |
| MGII                         | 234,500        | 261,500           | 36.2         | 38.2              | 19.1                     | 19.4              |
| Sukuk Perumahan Kerajaan     | 28,400         | 28,400            | 4.4          | 4.1               | 2.3                      | 2.1               |
| <b>Pinjaman luar pesisir</b> | <b>23,653</b>  | <b>22,703</b>     | <b>3.6</b>   | <b>3.3</b>        | <b>1.9</b>               | <b>1.7</b>        |
| Pinjaman pasaran             | 17,211         | 16,482            | 2.6          | 2.4               | 1.4                      | 1.2               |
| Pinjaman projek              | 6,442          | 6,221             | 1.0          | 0.9               | 0.5                      | 0.5               |
| <b>Jumlah</b>                | <b>648,475</b> | <b>685,056</b>    | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>      | <b>52.7</b>              | <b>50.9</b>       |

*Item memorandum:*

|   |         |         |      |      |      |      |
|---|---------|---------|------|------|------|------|
| Pegangan hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin | 191,764 | 171,067 | 30.7 | 25.8 | 15.6 | 12.7 |
|---|---------|---------|------|------|------|------|

<sup>1</sup> Akhir Jun 2017.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

daripada penerbitan sukuk global pada 2011, 2015 dan 2016 menyumbang 72.6% daripada jumlah pinjaman luar pesisir. Sementara itu, jumlah pinjaman projek sedia ada dari sumber dua hala dan pelbagai hala adalah bagi membiayai program dan projek infrastruktur tertentu seperti perumahan, pembetungan dan tадahan air.

Bagi memastikan agihan profil kematangan yang baik, terbitan instrumen Kerajaan tertumpu kepada sekuriti bertempoh matang jangka panjang. Mengambil kira semua terbitan berjadual pada 2017, purata tempoh matang dijangka meningkat kepada 7.2 tahun berbanding 6.4 pada 2016 yang menunjukkan risiko pembiayaan semula lebih rendah. Peningkatan ini disebabkan 60.5% daripada jumlah hutang adalah instrumen hutang berprofil kematangan 10 tahun dan ke atas. Selebihnya adalah instrumen bertempoh matang antara enam hingga sembilan tahun (24%) serta lima tahun dan ke bawah (15.5%). Sehubungan itu, risiko pembiayaan semula kekal rendah memandangkan hanya 10.6% MGS dan MGII akan matang pada 2017.

Dari segi pegangan hutang Kerajaan Persekutuan, RM496.2 bilion atau 72.4% bon dan sukuk Kerajaan dipegang oleh **pelabur domestik**. Pelabur terdiri daripada institusi yang kukuh dan berjangka panjang seperti Bank Negara Malaysia dan institusi perbankan (29.7%), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (27.2%), syarikat insurans (4.5%) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (3.5%). Baki RM188.8 bilion atau 27.6% dipegang oleh

**bukan pemastautin** dengan 55.5% terdiri daripada pelabur institusi dan berjangka panjang, iaitu bank pusat, supranasional dan kerajaan (30.7%), dana persaraan (17.2%), syarikat insurans (3.1%) serta institusi dua hala dan pelbagai hala dan lain-lain (4.5%). Pegangan sukuk global semasa terbitan meliputi 69.8% pelabur bukan pemastautin, iaitu 25.8% dari Asia, diikuti oleh Eropah (15.5%), Timur Tengah (14.4%), AS (14.1%) dan selebihnya adalah pemastautin. Kedudukan ini menunjukkan permintaan global berterusan terhadap instrumen hutang Malaysia serta keyakinan kepada asas ekonomi negara.

## Hutang Luar

**Hutang luar** Malaysia terdiri daripada hutang sektor awam dan swasta. Hutang luar meliputi pinjaman luar pesisir; pegangan sekuriti hutang berdenominasi ringgit oleh bukan pemastautin; deposit bukan pemastautin; dan hutang yang lain termasuk kredit perdagangan, peruntukan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi Hak Pengeluaran Khas (SDR) serta lain-lain seperti tuntutan insurans belum bayar dan faedah kena bayar. Pada akhir Jun 2017, hutang luar terkumpul berkurang kepada RM877.5 bilion atau 65.2% daripada KDNK (akhir 2016: RM916.1 bilion; 74.5%) berikutan penilaian semula hasil daripada pengukuhan ringgit berbanding mata wang utama dan serantau terpilih serta pembayaran balik bersih pinjaman antara bank pada suku kedua.

**Jadual 4.7. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pegangan 2016 – 2017**

|   | RM juta        |                   | Bahagian (%) |                   | Bahagian kepada KDNK (%) |                   |
|---|----------------|-------------------|--------------|-------------------|--------------------------|-------------------|
|   | 2016           | 2017 <sup>3</sup> | 2016         | 2017 <sup>3</sup> | 2016                     | 2017 <sup>3</sup> |
| Pemastautin                             | 438,247        | 496,256           | 67.6         | 72.4              | 35.6                     | 36.9              |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja          | 156,985        | 186,323           | 24.2         | 27.2              | 12.7                     | 13.9              |
| Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) | 26,653         | 23,910            | 4.1          | 3.5               | 2.2                      | 1.8               |
| Syarikat insurans                       | 32,673         | 30,923            | 5.1          | 4.5               | 2.6                      | 2.3               |
| Institusi perbankan                     | 170,808        | 203,643           | 26.3         | 29.7              | 13.9                     | 15.1              |
| Institusi kewangan pembangunan          | 20,747         | 20,697            | 3.2          | 3.0               | 1.7                      | 1.5               |
| Institusi kewangan bukan bank           | 754            | 870               | 0.1          | 0.1               | 0.1                      | 0.1               |
| Lain-lain <sup>1</sup>                  | 29,627         | 29,890            | 4.6          | 4.4               | 2.4                      | 2.2               |
| Bukan pemastautin                       | 210,228        | 188,800           | 32.4         | 27.6              | 17.1                     | 14.0              |
| Pengurus dana/aset                      | 86,152         | 68,693            | 13.3         | 10.0              | 7.0                      | 5.1               |
| Bank pusat, supranasional dan kerajaan  | 59,089         | 57,891            | 9.1          | 8.5               | 4.8                      | 4.3               |
| Institusi perbankan                     | 18,466         | 15,397            | 2.8          | 2.3               | 1.5                      | 1.2               |
| Dana persaraan                          | 31,907         | 32,515            | 4.9          | 4.8               | 2.6                      | 2.4               |
| Syarikat insurans                       | 5,122          | 5,789             | 0.8          | 0.8               | 0.4                      | 0.4               |
| Lain-lain <sup>2</sup>                  | 9,492          | 8,515             | 1.5          | 1.2               | 0.8                      | 0.6               |
| <b>Jumlah</b>                           | <b>648,475</b> | <b>685,056</b>    | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>      | <b>52.7</b>              | <b>50.9</b>       |

<sup>1</sup> Termasuk badan berkanun, syarikat penamaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan.

<sup>2</sup> Termasuk syarikat penamaan/pemegang amanah, individu, syarikat bukan kewangan dan sektor yang tidak dapat diklasifikasikan.

<sup>3</sup> Akhir Jun 2017.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

**Pinjaman luar pesisir** yang merupakan komponen terbesar hutang luar berkurang kepada RM520.6 bilion atau 38.7% daripada KDNK (2016: RM531.3 bilion; 43.2%) berikutan penilaian semula dan pinjaman antara bank yang lebih rendah. Bagi *hutang jangka sederhana dan panjang*, hutang sektor swasta berkurang kepada RM165.4 bilion disebabkan oleh pinjaman bersih yang lebih rendah oleh bank dan bukan bank. Sementara itu, sebagai peratusan kepada KDNK, pinjaman luar pesisir sektor awam kekal pada 9.4% atau RM127.1 bilion dengan syarikat awam sebagai penyumbang terbesar pada 8.1% dan selebihnya adalah Kerajaan Persekutuan. Pada akhir Jun 2017, nisbah khidmat hutang<sup>3</sup> bagi pinjaman luar pesisir adalah lebih rendah pada 13.7% (2016: 16%) berikutan pendapatan eksport yang lebih tinggi.

Sementara itu, *pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin* yang sebahagian besarnya dalam bentuk sekuriti *jangka sederhana dan panjang* juga menyumbang kepada penurunan kedudukan hutang luar Malaysia. Pegangan ini telah berkurang kepada RM194.9 bilion pada akhir Jun 2017 berikutan dasar kadar faedah Fed yang kembali meningkat kepada paras normal. Situasi ini juga telah menyebabkan aliran keluar pegangan sekuriti hutang Kerajaan dalam denominasi ringgit pada 25.8% berbanding 30.7% pada akhir 2016. Selain itu, agihan pegangan pelabur asing dalam profil kematangan adalah menyeluruh iaitu lebih daripada 65% memiliki

bon berjangka sederhana dan panjang dengan tempoh matang melebihi tiga tahun manakala kebanyakannya *bon berjangka pendek* dipegang oleh bank dan pengurus aset. Di samping itu, *deposit bukan pemastautin* di institusi perbankan domestik turut berkurang kepada RM78.8 bilion.

## Hutang Sektor Awam

**Hutang sektor awam** meliputi hutang Kerajaan Persekutuan, badan berkanun serta syarikat awam bukan kewangan (SABK). Hutang ini termasuk jumlah jaminan Kerajaan Persekutuan kepada badan berkanun dan SABK. Maklumat hutang sektor awam disatukan yang komprehensif membolehkan Kerajaan menilai potensi pendedahan risiko dan mengurus kewangan sektor awam secara berhemat.

Pada akhir 2016, hutang sektor awam mencatat RM901.2 bilion atau 73.3% daripada KDNK (akhir 2015: RM870 bilion; 75.1%) dengan hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM648.5 bilion atau 72% daripada jumlah hutang sektor awam (akhir 2015: RM630.5 bilion; 72.5%). Hutang SABK pula berjumlah RM204 bilion atau 22.6% (akhir 2015: RM199.5 bilion; 22.9%) manakala baki 5.4% adalah hutang badan berkanun. Peningkatan hutang SABK disebabkan oleh hutang luar pesisir bagi pelaburan luar negara dalam sektor utiliti. Hutang badan berkanun turut meningkat kepada RM48.7 bilion

**Jadual 4.8. Hutang Luar  
2016 – 2017**

|  | RM juta |                   | Bahagian (%) |                   | Bahagian kepada KDNK (%) |                   |
|--|---------|-------------------|--------------|-------------------|--------------------------|-------------------|
|  | 2016    | 2017 <sup>3</sup> | 2016         | 2017 <sup>3</sup> | 2016                     | 2017 <sup>3</sup> |
| Pinjaman luar pesisir  | 531,326 | 520,605           | 58.0         | 59.3              | 43.2                     | 38.7              |
| Hutang jangka sederhana dan panjang                                      | 323,424 | 292,569           | 35.3         | 33.3              | 26.3                     | 21.7              |
| Sektor awam  | 133,962 | 127,116           | 14.6         | 14.5              | 10.9                     | 9.4               |
| Kerajaan Persekutuan   | 21,087  | 17,733            | 2.3          | 2.0               | 1.7                      | 1.3               |
| Syarikat awam  | 112,875 | 109,383           | 12.3         | 12.5              | 9.2                      | 8.1               |
| Sektor swasta  | 189,462 | 165,453           | 20.7         | 18.8              | 15.4                     | 12.3              |
| Hutang jangka pendek   | 207,902 | 228,035           | 22.7         | 26.0              | 16.9                     | 17.0              |
| Pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin | 214,203 | 194,950           | 23.4         | 22.2              | 17.4                     | 14.5              |
| Hutang jangka sederhana dan panjang                                      | 203,296 | 184,267           | 22.2         | 21.0              | 16.5                     | 13.7              |
| Kerajaan Persekutuan   | 189,988 | 169,855           | 20.7         | 19.4              | 15.4                     | 12.6              |
| Lain-lain <sup>1</sup>   | 13,308  | 14,412            | 1.5          | 1.6               | 1.1                      | 1.1               |
| Hutang jangka pendek   | 10,907  | 10,683            | 1.2          | 1.2               | 0.9                      | 0.8               |
| Deposit bukan pemastautin  | 86,184  | 78,809            | 9.4          | 9.0               | 7.0                      | 5.8               |
| Lain-lain <sup>2</sup>   | 84,405  | 83,139            | 9.2          | 9.5               | 6.9                      | 6.2               |
| Jumlah   | 916,118 | 877,503           | 100.0        | 100.0             | 74.5                     | 65.2              |

<sup>1</sup> Termasuk sektor swasta dan syarikat awam.

<sup>2</sup> Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain.

<sup>3</sup> Akhir Jun 2017.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

<sup>3</sup> Mengukur bayaran balik prinsipal dan bayaran faedah pinjaman luar pesisir sebagai nisbah kepada jumlah eksport kasar barang dan perkhidmatan.

(akhir 2015: RM40 bilion) terutamanya disebabkan terbitan yang dijamin Kerajaan oleh LPPSA bagi membiayai pinjaman perumahan sektor awam dan

pertambahan pinjaman oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi pinjaman pendidikan tertiar.

**Jadual 4.9. Hutang Sektor Awam  
2015 – 2016**

|                              | RM juta |         | Bahagian (%) |       | Bahagian kepada KDNK (%) |      |
|------------------------------|---------|---------|--------------|-------|--------------------------|------|
|                              | 2015    | 2016    | 2015         | 2016  | 2015                     | 2016 |
| Kerajaan Persekutuan         | 630,540 | 648,475 | 72.5         | 72.0  | 54.5                     | 52.7 |
| Dalam negeri                 | 609,063 | 624,822 | 70.0         | 69.3  | 52.6                     | 50.8 |
| Luar pesisir                 | 21,477  | 23,653  | 2.5          | 2.7   | 1.9                      | 1.9  |
| Badan berkanun               | 39,972  | 48,700  | 4.6          | 5.4   | 3.4                      | 4.0  |
| Dalam negeri                 | 39,972  | 48,700  | 4.6          | 5.4   | 3.4                      | 4.0  |
| antaranya: Dijamin           | 39,972  | 48,700  | 4.6          | 5.4   | 3.4                      | 4.0  |
| Luar pesisir                 | -       | -       | -            | -     | -                        | -    |
| Syarikat awam bukan kewangan | 199,470 | 204,025 | 22.9         | 22.6  | 17.2                     | 16.6 |
| Dalam negeri                 | 123,455 | 123,893 | 14.2         | 13.7  | 10.7                     | 10.1 |
| antaranya: Dijamin           | 123,455 | 123,893 | 14.2         | 13.7  | 10.7                     | 10.1 |
| Luar pesisir                 | 76,015  | 80,132  | 8.7          | 8.9   | 6.5                      | 6.5  |
| antaranya: Dijamin           | 3,665   | 4,657   | 0.4          | 0.5   | 0.3                      | 0.4  |
| Jumlah                       | 869,982 | 901,200 | 100.0        | 100.0 | 75.1                     | 73.3 |

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

#### Rencana 4.1

### Jaminan Kerajaan: Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi

#### Pengenalan

Seiring dengan perubahan struktur ekonomi negara, Kerajaan terus memanfaatkan sumber menerusi instrumen fiskal terutamanya melalui percukaian dan perbelanjaan awam. Selain itu, instrumen fiskal lain yang penting ialah Jaminan Kerajaan (GG). Secara umumnya, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mentakrifkan jaminan ke atas pinjaman sebagai satu ikatan perjanjian sah di mana penjamin bersetuju untuk membayar sebahagian atau keseluruhan jumlah pinjaman yang perlu dibayar sekiranya peminjam gagal untuk membayar balik pinjaman.<sup>1</sup> Dalam konteks GG, Kerajaan bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran sekiranya peminjam gagal memenuhi tuntutan pinjaman. IMF tidak mengambil kira GG sebagai hutang langsung Kerajaan tetapi mengklasifikasikannya sebagai liabiliti luar jangka eksplisit dan dilaporkan sebagai nota kepada penyata kewangan Kerajaan.

Sebagai instrumen fiskal, GG mempunyai kelebihan berbanding perbelanjaan langsung terutamanya bagi pelaburan yang dapat menjana aliran tunai mapan dalam jangka panjang. Selain itu, pemberian GG adalah wajar apabila Kerajaan melalui entiti, lebih sesuai melaksanakan pelaburan kerana persekitaran yang tidak menentu atau pihak swasta tidak berupaya untuk menanggung risiko pelaburan tersebut.

#### Tadbir Urus

GG di Malaysia adalah tertakluk di bawah Seksyen 14 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Akta ini memberi mandat kepada Perbendaharaan Malaysia sebagai pihak berkuasa tunggal yang boleh memberi jaminan bagi pihak Kerajaan. Seksyen tersebut juga menyatakan bahawa kerajaan negeri tidak mempunyai hak untuk memberi sebarang jaminan kecuali dengan persetujuan Kerajaan Persekutuan.

Secara khususnya, GG dikawal selia di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96] yang membenarkan Kerajaan untuk memberi jaminan ke atas pinjaman, bon, pembiayaan patuh Syariah atau sukuk yang dibuat oleh badan korporat atau entiti tertentu, iaitu badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan serta syarikat kerajaan negeri atau anak syarikat.

<sup>1</sup> Public Sector Debt Statistics: Guide for Compilers and Users (2011). IMF.

Pinjaman atau pembiayaan yang bersandarkan kepada GG mesti dibuat di atas nama entiti tersebut, sama ada dalam mata wang tempatan atau asing. Entiti tersebut bertanggungjawab untuk membuat bayaran balik, manakala Kerajaan kekal sebagai penanggung obligasi kedua perjanjian tersebut. Selagi GG berkuat kuasa, entiti tersebut tidak dibenarkan untuk membuat sebarang pinjaman atau pembiayaan lain tanpa kebenaran Kerajaan. Selain itu, di bawah Seksyen 8 Akta ini, entiti peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah bayaran (termasuk faedah atau kadar keuntungan) bagi liabiliti yang ditanggung oleh Kerajaan di bawah GG.

### **Manfaat**

Matlamat utama GG adalah untuk memudahkan pengagihan risiko dalam pembiayaan pembangunan infrastruktur bagi memenuhi keperluan rakyat dan memacu ekonomi ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi. Kemudahan GG telah membuka peluang kepada penglibatan sektor swasta dalam agenda pembangunan negara dan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi. Peruntukan Kerajaan menerusi perbelanjaan mengurus dan pembangunan memerlukan peruntukan yang besar tetapi dikekang oleh pertumbuhan hasil dan konsolidasi fiskal. Di samping itu, berikutkan peningkatan pelbagai keperluan perbelanjaan dan sumber yang terhad, GG memberi ruang fiskal kepada Kerajaan untuk melaksanakan program dan projek infrastruktur yang memberi manfaat besar kepada rakyat. Keutamaan diberikan kepada projek yang menghasilkan pulangan jangka panjang dan kesan penganda yang tinggi.

Sehubungan itu, fasiliti GG memudahkan entiti untuk melaksanakan projek pembangunan terutamanya projek infrastruktur dan sosial serta projek berkepentingan nasional dan strategik. Memandangkan sesetengah projek bersifat sosial, terdapat entiti yang tidak berupaya menanggung risiko bagi melaksanakan projek seperti infrastruktur pengangkutan awam, utiliti dan pendidikan. Oleh itu, risiko projek ini adalah lebih wajar dikongsi bersama dengan Kerajaan. GG yang diperoleh dapat memberi keyakinan dan kepastian kepada entiti untuk menguruskan pendedahan risiko.

GG juga dapat membantu sesebuah entiti mendapatkan pinjaman dengan termasuk yang lebih baik dan melindungi entiti tersebut daripada risiko pembiayaan dan kecairan. Keadaan ini berlaku terutamanya kepada projek pembangunan berskala besar yang memerlukan kepakaran teknikal yang tinggi bagi memastikan projek tersebut berdaya maju. Memandangkan negara mempunyai penarafan kredit berdaulat yang baik, kemudahan GG membolehkan entiti tersebut memperoleh pembiayaan atau bon dengan kadar kupon yang rendah, jadual pembayaran balik yang fleksibel dan dalam keadaan tertentu, dikecualikan daripada syarat cagaran aset. GG juga membolehkan projek dilaksanakan lebih awal dan kos diagihkan dalam tempoh yang lebih panjang, seterusnya mengurangkan kos keseluruhan projek.

### **Pengurusan Risiko**

GG sentiasa dikaitkan sebagai antara sumber risiko fiskal. Risiko kredit entiti harus dinilai dengan menyeluruh dan dipantau dengan teliti bagi memastikan obligasi pembiayaan tidak menjelaskan kedudukan kewangan Kerajaan. Langkah ini diambil kerana tanggungjawab Kerajaan menjelaskan bayaran akan wujud sekiranya peminjam gagal untuk membayar balik pinjaman. Walaupun GG bukan satu bentuk liabiliti langsung kepada Kerajaan, namun ia diklasifikasikan sebagai liabiliti luar jangka dan dilaporkan setiap tahun dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan sentiasa mengkaji dan menambah baik proses dan syarat pemberian GG bagi mengurangkan risiko kepada kewangan Kerajaan. Antara langkah yang diambil termasuk mengenakan fi jaminan ke atas sesetengah terbitan berdasarkan tahap risiko sesuatu projek. Kedudukan kewangan dan bayaran balik pinjaman entiti sentiasa dipantau rapi bagi memastikan aliran tunai adalah stabil dan mencukupi untuk membayar balik pinjaman. Kerajaan juga memantau penggunaan dana pinjaman bagi memastikan dana berkenaan dibelanjakan mengikut tujuan pembiayaan. Di samping itu, syarat pematuhan dan sekatan dimasukkan ke dalam perjanjian pembiayaan tertentu bagi melindungi kepentingan pelabur dan mengurangkan risiko kepada Kerajaan.


Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Risiko Fiskal dan Liabiliti Luar Jangka<sup>2</sup> pada Mei 2016. Peranan utama Jawatankuasa Teknikal ini adalah untuk mengenal pasti sumber risiko fiskal, termasuk GG dan mengesyorkan langkah yang sesuai bagi menangani risiko tersebut. Jawatankuasa ini juga ditugaskan untuk membuat penilaian semula ke atas semua liabiliti Kerajaan dan mengkaji kebarangkalian risiko pelaksanaan projek pembangunan berskala besar menggunakan kemudahan GG.

<sup>2</sup> Ahli-ahli terdiri daripada Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Unit Kerjasama Awam Swasta dan Bank Negara Malaysia.

### Status Semasa

Portfolio GG sedia ada merangkumi pelaburan yang dibuat dalam pelbagai segmen. Sebahagian besar GG adalah untuk membiayai projek infrastruktur awam, antaranya transit aliran massa (MRT) dan transit aliran ringan (LRT), lebuh raya, lapangan terbang serta pelabuhan kontena dan jambatan bertol. GG juga diberikan kepada syarikat pegangan pelaburan yang mencebur pelaburan strategik serta kepada entiti yang memberi pinjaman pendidikan tertiari dan perumahan kakitangan awam. Selain itu, GG disediakan kepada entiti dalam sektor utiliti terutamanya untuk menaik taraf bekalan air dan elektrik. Bagi sektor kewangan, institusi kewangan pembangunan (DFI) boleh mendapatkan pinjaman pasaran untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada PKS serta projek pembangunan yang strategik.

**Rajah 4.1.1. Jaminan Kerajaan Mengikut Sektor**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.


Pada akhir 2016, jumlah hutang GG adalah RM187.3 bilion atau 15.2% daripada KDNK. Kadar pertumbuhan purata tahunan hutang GG adalah lebih rendah iaitu 4.3% dalam tempoh dua tahun yang lalu berbanding 14% bagi tempoh 2012 – 2014. Keadaan ini berikutan proses saringan yang lebih selektif dan ketat serta penilaian risiko yang lebih teliti. Kiranya 97% daripada hutang GG adalah dalam mata wang ringgit manakala bakinya terdiri daripada yen dan dolar AS. Oleh itu, volatiliti kadar tukaran mata wang memberi kesan yang minimum kepada portfolio GG. Di samping itu, profil purata kematangan GG adalah 8.6 tahun pada akhir 2016 yang menunjukkan kebanyakan jaminan mempunyai tempoh matang pinjaman yang panjang. Lebih 80% daripada hutang yang dijamin oleh Kerajaan dijangka matang selepas 2020, justeru mengurangkan risiko pembiayaan semula. Senarai GG terkumpul diterbitkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan dibentangkan di Parlimen setiap tahun. Selain itu, data jumlah GG suku tahunan diterbitkan di National Summary Data Page, Bank Negara Malaysia, selaras dengan Dissemination Standards Bulletin Board oleh IMF.

**Rajah 4.1.2. Jaminan Kerajaan 2012 – 2016**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

**Rajah 4.1.3. Profil Kematangan Jaminan Kerajaan (Akhir 2016)**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

### **Sorotan Pelaburan GG**

Pembiayaan projek infrastruktur melalui GG telah membawa kesan positif kepada pembangunan negara. Perkhidmatan MRT Laluan Sungai Buloh – Kajang sepanjang 51 kilometer yang telah beroperasi sepenuhnya pada 17 Julai 2017 merupakan antara kejayaan Kerajaan dalam memenuhi keperluan rakyat. Kepakaran sektor swasta dimanfaatkan dengan MRT Corp sebagai rakan penyampaian projek dan DanaInfra sebagai penerbit sukuk. Sehubungan itu, Kerajaan dapat mengehadkan risiko pelaksanaan dan pertambahan kos projek. Malah, Kerajaan berjaya mengurangkan kos pembinaan laluan tersebut kepada RM21 bilion dengan penjimatan sebanyak RM2 bilion daripada anggaran kos asal.

Di samping itu, kemudahan GG telah mempercepat langkah pengukuhan DFI dan meningkatkan keupayaan bank-bank terbabit. Sebagai contoh, Bank Pembangunan Malaysia Berhad telah berjaya mengurangkan kebergantungan kepada GG setelah melancarkan program pembiayaan bertaraf AAA. Kejayaan tersebut menunjukkan keyakinan pasaran dan pelabur terhadap keupayaan bank tersebut untuk menguruskan pinjaman infrastruktur. Kemudahan GG juga telah mengurangkan beban kewangan Kerajaan dalam menyediakan suntikan modal secara langsung kepada DFI dan membolehkan peruntukan disalurkan bagi membiayai projek berorientasikan sosial seperti sekolah dan hospital.

Secara umumnya, kemudahan GG membolehkan projek dan program dilaksanakan dengan jayanya. Bertentangan dengan tanggapan bahawa GG telah menjelaskan pelaburan sektor swasta, GG sebenarnya telah meningkatkan pelaburan dan penyertaan sektor swasta dalam ekonomi. Berikutan ini, sektor swasta telah tampil sebagai pemacu pertumbuhan dan memangkin pembangunan ekonomi.

### **Melangkah ke Hadapan**

Walaupun pengurusan profil risiko GG telah ditambah baik, namun terdapat keperluan untuk terus memperkuuh pengurusan risiko GG bagi memastikan pendedahan risiko kepada kedudukan fiskal Kerajaan adalah minimum. Kerajaan sentiasa memberi penekanan terhadap kepentingan memantau GG dengan lebih teliti memandangkan ia merupakan sumber utama liabiliti luar jangka. Melangkah ke hadapan, rangka kerja penilaian risiko akan ditambah baik dengan proses taksiran yang lebih ketat dan teratur berdasarkan amalan terbaik. Langkah ini bagi memastikan risiko kredit dan kebarangkalian kegagalan entiti membayar balik pinjaman adalah rendah. Pemantauan terbitan pembiayaan GG juga adalah penting bagi mengurangkan risiko kecairan serta melancarkan terbitan pembiayaan kerana ia boleh mempengaruhi kadar kupon pembiayaan. Sementara itu, fi GG akan dikenakan berdasarkan profil dan pendedahan risiko kepada Kerajaan bagi mengatasi isu bahaya moral. Skop dan tempoh GG akan dihadkan tertakluk kepada segmen pelaburan dan jangka hayat aset yang dicadangkan.

Elemen penting lain yang wajar diambil kira dalam rangka kerja fiskal adalah penilaian dan penetapan tahap pendedahan risiko berdasarkan metodologi yang kukuh. Kerajaan juga sedang meneliti langkah untuk memperkenalkan had siling untuk terbitan GG seperti yang diguna pakai dalam pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan. Langkah ini akan meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan liabiliti dalam rangka kerja fiskal Kerajaan.

### **Kesimpulan**

GG memainkan peranan penting dalam memudahkan dan merancakkan pembangunan ekonomi di Malaysia bagi memastikan pertumbuhan yang pesat dan inklusif. Sebagai sebahagian daripada komponen pengurusan risiko fiskal, Kerajaan akan terus melaksanakan pemantauan dan pengurusan secara aktif bagi memastikan kemudahan GG berdaya maju dan mapan dalam jangka panjang. Pelaksanaan amalan terbaik dalam menguruskan GG membolehkan Kerajaan meningkatkan keberkesanan bagi mencapai konsolidasi fiskal dan menyokong agenda transformasi negara.

## Kerajaan Negeri

### Hasil janaan negeri kekal tinggi

Hasil kerajaan negeri disatukan diunjur RM19.7 bilion, dengan 76.3% adalah hasil janaan negeri manakala selebihnya pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Hasil janaan negeri diunjur RM15 bilion (2016: RM14.9 bilion) dengan royalti petroleum, premium tanah dan pendapatan pelaburan merangkumi 53.5% atau RM8 bilion daripada jumlah tersebut. Johor, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu merupakan penyumbang utama kepada jumlah keseluruhan hasil janaan negeri yang meliputi 80.2% atau RM12 bilion.

**Hasil cukai** dianggar 22.1% atau RM4.4 bilion (2016: 20.8%; RM4.1 bilion) daripada jumlah hasil disatukan manakala hasil bukan cukai dianggar 60% atau RM11.8 bilion dan selebihnya adalah terimaan bukan hasil. Cukai langsung kekal sebagai penyumbang utama hasil cukai yang dijangka meningkat 19.2% kepada RM2.6 bilion (2016: 5.6%; RM2.2 bilion) terutamanya daripada hasil cukai tanah. Selain itu, premium tanah, pendapatan pelaburan dan royalti petroleum menyumbang 68.1% atau RM8 bilion kepada **hasil bukan cukai**. **Terimaan bukan hasil** dianggar berjumlah RM3.5 bilion dengan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan sebagai sumber utama.

Jumlah perbelanjaan kerajaan negeri disatukan dijangka meningkat 28.8% kepada RM24.5 bilion. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh DE yang melonjak 46.5% kepada RM12.7 bilion sejajar dengan usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan pembangunan perumahan awam, pertanian dan luar bandar serta sumber tenaga dan kemudahan awam (2016: 2.4%; RM8.7 bilion). OE pula dijangka meningkat 13.9% kepada RM11.8 bilion (2016: -4.3%; RM10.4 bilion) terutamanya disebabkan peningkatan emolument serta bekalan dan perkhidmatan. Sehubungan itu, kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan pada

2017 dianggar mencatat lebihan semasa RM7.9 bilion. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira peningkatan DE, baki keseluruhan dijangka mencatat defisit RM4.5 bilion atau 0.3% daripada KDNK.

**Jadual 4.10. Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2016 – 2017**

|                                 | RM juta      |                   | Perubahan (%) |                   |
|---------------------------------|--------------|-------------------|---------------|-------------------|
|                                 | 2016         | 2017 <sup>1</sup> | 2016          | 2017 <sup>1</sup> |
| Hasil                           | 19,631       | 19,695            | -7.1          | 0.3               |
| Perbelanjaan mengurus           | 10,364       | 11,803            | -4.3          | 13.9              |
| <b>Baki semasa</b>              | <b>9,267</b> | <b>7,892</b>      | <b>-10.1</b>  | <b>-14.8</b>      |
| Perbelanjaan pembangunan kasar  | 8,682        | 12,720            | 2.4           | 46.5              |
| Kumpulan Wang Pembangunan       | 8,533        | 12,441            | 2.1           | 45.8              |
| Kumpulan Wang Bekalan Air       | 149          | 279               | 16.2          | 87.4              |
| Tolak: Terimaan balik pinjaman  | 274          | 275               | -14.6         | 0.3               |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 8,408        | 12,445            | 3.0           | 48.0              |
| <b>Baki keseluruhan</b>         | <b>859</b>   | <b>-4,553</b>     |               |                   |
| Bahagian kepada KDNK (%)        | 0.1          | -0.3              |               |                   |

<sup>1</sup> Anggaran.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

## Kerajaan Am

Hasil kerajaan am<sup>4</sup> disatukan dijangka bertambah 5.1% kepada RM265.4 bilion pada 2017 manakala OE dianggar meningkat pada kadar yang lebih rendah iaitu 4% kepada RM248.4 bilion. Sehubungan itu, lebihan semasa dijangka meningkat kepada RM16.9 bilion. Walau bagaimanapun, DE dianggar meningkat lebih tinggi pada kadar 17.1% kepada RM56.3 bilion. Setelah mengambil kira semua pindahan dan pinjaman bersih, defisit keseluruhan dianggar RM39.3 bilion atau 2.9% daripada KDNK.

**Jadual 4.11. Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan 2016 – 2018**

|                          | RM juta        |                   | Perubahan (%)     |              |                   |                   |
|--------------------------|----------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------------|
|                          | 2016           | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> | 2016         | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> |
| Hasil                    | 252,550        | 265,362           | 279,019           | -3.2         | 5.1               | 5.1               |
| Perbelanjaan mengurus    | 238,854        | 248,428           | 261,485           | -1.9         | 4.0               | 5.3               |
| <b>Baki semasa</b>       | <b>13,696</b>  | <b>16,934</b>     | <b>17,534</b>     | <b>-20.7</b> | <b>23.6</b>       | <b>3.5</b>        |
| Perbelanjaan pembangunan | 48,087         | 56,286            | 56,594            | 1.8          | 17.1              | 0.5               |
| <b>Baki keseluruhan</b>  | <b>-34,391</b> | <b>-39,352</b>    | <b>-39,060</b>    | <b>14.8</b>  | <b>14.4</b>       | <b>-0.7</b>       |
| Bahagian kepada KDNK (%) | -2.8           | -2.9              | -2.7              |              |                   |                   |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2018.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

<sup>4</sup> Merangkumi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun.

Walaupun kedudukan kewangan kerajaan am disatukan dianggarkan mencatat defisit, namun defisit tersebut akan dibiayai melalui rizab terkumpul serta pinjaman Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan Perkara 111 dan 112 Perlembagaan Persekutuan, semua kerajaan negeri kecuali Sabah dan Sarawak hanya dibenarkan meminjam daripada atau dengan kebenaran Kerajaan Persekutuan. Badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan pula boleh meminjam dengan kebenaran Kerajaan Persekutuan. Peruntukan ini membolehkan pendedahan terhadap risiko kredit dan defisit kerajaan am dikawal di peringkat Kerajaan Persekutuan.

## Syarikat Awam Bukan Kewangan

### Kedudukan kewangan yang berdaya tahan

Hasil SABK disatukan bagi 2017 dijangka meningkat 2.4% kepada RM353 bilion terutamanya disumbangkan oleh sektor tenaga, telekomunikasi dan pembinaan. Walaupun perbelanjaan semasa dianggar meningkat 1.2% kepada RM285.1 bilion (2016: -20.5%; RM281.6 bilion), namun pertumbuhan hasil lebih tinggi berbanding pertumbuhan perbelanjaan. Justeru, lebihan semasa terus meningkat 7.7% kepada RM67.9 bilion. Perbelanjaan modal dianggar mencatat pertumbuhan marginal sebanyak 0.5% kepada RM95.3 bilion terutamanya bagi membiayai projek yang sedang dilaksanakan seperti kompleks Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, loji jana kuasa Jimah East Power di Port Dickson serta Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya. Penetapan perbelanjaan modal SABK adalah berdasarkan penilaian komersial setelah mengambil kira strategi dan perancangan perniagaan serta keadaan pasaran.

Setelah mengambil kira semua komponen perbelanjaan, baki keseluruhan SABK disatukan dijangka mencatat defisit lebih rendah sebanyak

**Jadual 4.12. Kedudukan Kewangan SABK<sup>1</sup>**  
**Disatukan**  
**2016 – 2017**


|                      | RM juta |                   | Perubahan (%) |                   |
|----------------------|---------|-------------------|---------------|-------------------|
|                      | 2016    | 2017 <sup>2</sup> | 2016          | 2017 <sup>2</sup> |
| Hasil                | 344,618 | 352,971           | -11.2         | 2.4               |
| Perbelanjaan semasa  | 281,556 | 285,058           | -20.5         | 1.2               |
| Baki semasa          | 63,062  | 67,913            | 86.3          | 7.7               |
| Perbelanjaan modal   | 94,867  | 95,309            | 2.1           | 0.5               |
| Baki keseluruhan     | -31,805 | -27,396           | -46.2         | -13.9             |
| Bahagian kepada KDNK | -2.6    | -2.0              |               |                   |

<sup>1</sup> Merujuk kepada 28 SABK utama.

<sup>2</sup> Anggaran.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

**Rajah 4.2. 15 SABK Utama: Aset dan Liabiliti**  
(Akhir 2016)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

RM27.4 bilion. Pada akhir 2016, nilai bersih 15 SABK<sup>5</sup> utama berjumlah RM570.1 bilion dengan nilai aset RM984.6 bilion iaitu lebih dua kali ganda berbanding saiz liabiliti berjumlah RM414.5 bilion. Jumlah hutang terkumpul RM194.6 bilion mewakili 47% daripada jumlah liabiliti. Kedudukan nilai bersih yang positif menunjukkan keupayaan SABK membiayai defisit melalui pendapatan terkumpul dan pinjaman yang disokong oleh aset berkualiti dan aliran pendapatan masa hadapan.

## Sektor Awam Disatukan

Kedudukan kewangan sektor awam disatukan (CPS) yang terdiri daripada kerajaan am dan SABK dijangka mencatat lebihan akaun semasa lebih tinggi sebanyak RM84.7 bilion yang disokong oleh peningkatan hasil SABK. CPS disatukan bagi sektor awam dijangka meningkat 6.1% kepada RM151.5 bilion disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan modal SABK dan kerajaan am. Pelaburan modal SABK direkod sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan CPS manakala dalam akaun SABK direkod sebagai aset yang akan menjana aliran pendapatan masa hadapan. Perbelanjaan awam dijangka menyokong pelaburan dalam sektor strategik seperti pengangkutan awam dan rangkaian pengangkutan komersial pelbagai mod serta sektor yang kurang penglibatan pihak swasta seperti pertanian dan perikanan. Sehubungan itu, defisit keseluruhan CPS dianggar sebanyak RM66.8 bilion atau 5% daripada KDNK pada 2017. Walau bagaimanapun, prestasi CPS kekal kukuh memandangkan pelaburan SABK mampu menjana aliran pendapatan yang stabil dan membiayai komitmen hutang.

<sup>5</sup> Kedudukan mengikut saiz aset.

**Jadual 4.13. Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan  
2016 – 2018**

|                          | RM juta |                   |                   | Perubahan (%) |                   |                   |
|--------------------------|---------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|
|                          | 2016    | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> | 2016          | 2017 <sup>1</sup> | 2018 <sup>2</sup> |
| Hasil                    | 224,438 | 234,344           | 243,046           | 3.9           | 4.4               | 3.7               |
| Perbelanjaan mengurus    | 238,569 | 248,202           | 261,210           | -1.9          | 4.0               | 5.2               |
| Baki semasa SABK         | 90,690  | 98,540            | 111,228           | 15.9          | 8.7               | 12.9              |
| Baki semasa sektor awam  | 76,559  | 84,682            | 93,064            | 50.4          | 10.6              | 9.9               |
| Perbelanjaan pembangunan | 142,798 | 151,497           | 143,567           | 1.7           | 6.1               | -5.2              |
| Kerajaan am              | 47,931  | 56,188            | 56,427            | 0.9           | 17.2              | 0.4               |
| SABK                     | 94,867  | 95,309            | 87,140            | 2.1           | 0.5               | -8.6              |
| Baki keseluruhan         | -66,239 | -66,815           | -50,503           | -26.0         | 0.9               | -24.4             |
| Bahagian kepada KDNK (%) | -5.4    | -5.0              | -3.5              |               |                   |                   |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2018.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

## Prospek

### Kedudukan Kewangan 2018

Pada 2018, ekonomi domestik dijangka kekal rancak dengan sokongan aktiviti sektor swasta berikutnya prospek ekonomi global dan perdagangan yang positif. Sehubungan itu, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka lebih kukuh terutamanya disumbangkan oleh kutipan hasil yang lebih tinggi serta pertumbuhan perbelanjaan yang sederhana. Oleh itu, kedudukan defisit fiskal disasarkan berkang kepada 2.8% daripada KDNK atau RM39.8 bilion (2017: 3.0%; RM39.9 bilion). Seterusnya, hutang Kerajaan Persekutuan diunjurkan sekitar 50% daripada KDNK, menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan bagi mengurangkan defisit fiskal ke arah mencapai bajet hampir berimbang pada 2020.

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 6.4% kepada RM239.9 bilion (2017: 6.1%; RM225.3 bilion). Selaras dengan aktiviti ekonomi yang menggalakkan dan persekitaran perniagaan yang memberangsangkan, hasil cukai dijangka meningkat 6.3% kepada RM191.6 bilion (2017: 6.4%; RM180.2 bilion). Kerajaan akan terus mengukuhkan kutipan hasil cukai dengan meningkatkan pematuhan dan menambah baik pentadbiran cukai. Selain itu, Kerajaan telah menujuhkan Collection Intelligence Arrangement (CIA) sebagai salah satu usaha berterusan untuk mengurangkan pengelakan, pelarian dan ketirisan cukai. Keahlian CIA merangkumi Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. CIA menyediakan platform perkongsian maklumat bersepadu antara agensi bagi meningkatkan

penguatkuasaan dan pematuhan serta menangani ekonomi tidak formal. Sementara itu, Kerajaan akan menyemak semula insentif percukaian dengan memberi tumpuan kepada sektor bersasar dan kritikal.

Anggaran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada 2018 adalah RM280.2 bilion iaitu 5.4% lebih tinggi berbanding 2017 (RM265.9 bilion; 5.4%). Sebanyak RM234.2 bilion (83.6%) diperuntukkan untuk OE (2017: RM219.9 bilion; 82.7%) manakala baki RM46 bilion (16.4%) adalah DE (2017: RM46 bilion; 17.3%). Peruntukan bagi emolumen berjumlah RM79.1 bilion manakala sejumlah RM61.3 bilion disediakan untuk perbelanjaan tanggungan terutamanya bayaran khidmat hutang (RM30.9 bilion), bayaran persaraan (RM24.5 bilion) serta pemberian dan serahan berdasarkan perlombagaan kepada kerajaan negeri (RM5.7 bilion). Sementara itu, RM33.6 bilion dan RM577 juta (2017: RM32.6 bilion; RM698 juta) akan diperuntukkan bagi bekalan dan perkhidmatan serta pembelian aset. Jumlah subsidi dan bantuan sosial dijangka meningkat kepada RM26.5 bilion atau 11.3% daripada OE (2017: RM23.1 bilion; 10.5%).

Peruntukan DE pada 2018 kekal RM46 bilion atau 17.7% daripada siling RMKe-11. Peruntukan ini bertujuan membiayai pelaksanaan projek dan program di bawah sektor ekonomi (57.3%), sosial (25.5%), keselamatan (11.3%) dan pentadbiran am (5.9%). Sektor ekonomi kekal diperuntukkan jumlah terbesar iaitu RM26.3 bilion (2017: RM25.9 bilion). Perbelanjaan akan ditumpukan kepada pembangunan infrastruktur awam dan jaringan pengangkutan (RM10.5 bilion), perdagangan dan perindustrian (RM4.1 bilion) serta pertanian dan pembangunan luar bandar (RM2.5 bilion).

*Subsektor tenaga dan kemudahan awam juga menerima peruntukan sebanyak RM2.7 bilion terutamanya bagi memperluas perkhidmatan bekalan air dan elektrik serta pembetungan di luar bandar.*

**Sektor sosial** akan terus diberi keutamaan pada 2018 dengan peruntukan sebanyak RM11.7 bilion atau 25.5% daripada jumlah DE, terutamanya untuk pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan dan perkhidmatan kebajikan. Peruntukan terbesar sebanyak RM5.3 bilion atau 11.4% daripada jumlah DE (2017: RM5.9 bilion; 12.8%) akan disediakan untuk *subsektor pendidikan dan latihan* bagi menambah baik kemudahan pendidikan dan memenuhi permintaan tenaga kerja mahir yang semakin meningkat. Sebanyak RM3 bilion disediakan untuk pendidikan tertiar, RM787 juta untuk pendidikan rendah dan menengah manakala RM694 juta untuk program kemahiran dan latihan. Selain itu, pendidikan prasekolah akan diperluas dan diperkasakan terutamanya di kawasan luar bandar untuk memastikan asas pendidikan yang kukuh pada awal usia.

Sejumlah RM1.9 bilion atau 4.2% daripada jumlah DE (2017: RM1.5 bilion; 3.3%) diperuntukkan bagi *subsektor kesihatan* untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti pada harga mampu dibiayai terutamanya oleh golongan berpendapatan rendah. Peruntukan ini akan digunakan untuk menaik taraf kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan di kawasan bandar dan luar bandar. Sementara itu, *subsektor perumahan* diperuntukkan RM1.2 bilion terutamanya untuk pembinaan rumah kos rendah dan kuarters penjawat awam.

**Sektor keselamatan** yang meliputi pertahanan dan keselamatan dalam negeri akan diperuntukkan RM5.2 bilion atau 11.3% daripada jumlah DE (2017: RM5.3 bilion; 11.5%) bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan pasukan keselamatan. Peruntukan ini disalurkan bagi perolehan baharu, naik taraf aset dan fasiliti keselamatan serta penambahbaikan peralatan pengawasan. Bagi **sektor pentadbiran am**, RM2.7 bilion atau 5.9% daripada jumlah DE (2017: RM2.7 bilion; 5.8%) akan diperuntukkan bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan awam termasuk sistem dan peralatan ICT serta baik pulih dan penyenggaraan kemudahan Kerajaan di seluruh negara.

## Kerangka Fiskal Jangka Sederhana 2018 – 2020

MTFF terus menyediakan hala tuju fiskal dan menggariskan unjuran fiskal tiga tahun dengan mengambil kira inisiatif dasar utama serta berdasarkan andaian makroekonomi jangka sederhana. Kerangka ini menetapkan sasaran perbelanjaan optimum setelah mengambil kira kapasiti janaan hasil serta komitmen Kerajaan. MTFF juga memberikan panduan siling perbelanjaan kepada kementerian dan agensi Kerajaan dalam tempoh tersebut. Panduan ini membolehkan perancangan program dan projek yang lebih teliti melangkaui perancangan tahunan bagi mencapai matlamat yang disasarkan sejajar dengan pelan konsolidasi fiskal. Bagi tempoh 2018 – 2020, paras defisit fiskal akan dikurangkan secara berperingkat ke arah mencapai bajet hampir berimbang pada 2020.